

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[BALING]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ Baling ]** Minta **MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah dan pendekatan baharu untuk memastikan belia dan mahasiswa di negara ini memperoleh pendidikan politik yang lebih baik berselaras dengan pindaan undi 18 tahun yang diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi memberi pendedahan berkaitan pendidikan politik kepada mahasiswa melalui tiga pendekatan. Pendekatan pertama ialah melalui pengajaran dan pembelajaran melalui subjek umum yang diwajibkan di IPT seperti Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban yang diperkenalkan bermula sesi akademik 2019/2020.

Pendekatan kedua adalah melalui penganjuran program-program bersifat *political literacy* dan forum-forum yang membincangkan isu-isu semasa negara manakala pendekatan ketiga ialah penganjuran pilihanraya kampus yang membolehkan mahasiswa terlibat secara langsung melalui Jawatankuasa Pilihanraya Kampus bertanding sebagai calon perwakilan pelajar atau sekurang-kurangnya sebagai pengundi. Melalui pendekatan yang dilaksanakan ini, kerajaan berharap dapat melahirkan mahasiswa yang boleh berfikir secara matang, peka dengan perkembangan politik semasa serta memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengundi muda.

Sekian, terima kasih.